

Liga Futsal Kebangsaan Felda- FAM 2011/2012: UMS tewaskan Sabah

UB 10.03.2012 A16

Oleh **VITALIS G. BINGKASAN**

vbingkasan@yahoo.com

KOTA KINABALU: Pasukan Universiti Malaysia Sabah (UMS) menang 1-0 ke atas Sabah pada perlawanan kedua Kumpulan P pusingan akhir Liga Futsal Kebangsaan di Stadium Putra Bukit Jalil kelmarin.

Gol tunggal kemenangan UMS tersebut dijaringkan Dadree Rofinus sekaligus menghidupkan peluangnya untuk menempah tiket ke pusingan separuh akhir.

B a g a i m a n a p u n , UMS perlu menang perlawanan terakhir menentang Selangor hari ini dan mengharapkan pertemuan antara Sabah dan PDRM memberi kelebihan kepadanya

untuk menempah tempat ke separuh akhir.

Sabah juga masih berpeluang dengan syarat ia menang dengan kelebihan jaringan pada perlawanan terakhir menentang PDRM sambil mengharapkan UMS tewas kepada Selangor.

Tiket ke separuh akhir diperuntukkan kepada dua pasukan teratas di kalangan empat pasukan.

Kedua-dua pasukan dari Sabah tersebut terpaksa mengharungi jalan sukar untuk ke separuh akhir selepas tewas kepada lawan masing-masing pada perlawanan pertama dua hari lalu.

Perlawanan pertama tersebut menyaksikan UMS tewas 2-3 kepada PDRM manakala Sabah tunduk 1-5 kepada Selangor.